



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 5 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	BANJIR: MISI UDARA HANTAR BANTUAN KE PEDALAMAN TATAU		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/04/banjir-misi-udara-hantar-bantuan-ke-pedalaman-tatau/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	CIC PUSAT RAKAM KETERANGAN SAKSI, MANGSA KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/710687/berita/laporan-khas/cic-pusat-rakam-keterangan-saksi-mangsa-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KES JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK TERENGGANU MENINGKAT 11.59 PERATUS		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/04/kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-terengganu-meningkat-11-59-peratus/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KES OKU DIPUKUL: POLIS SUDAH TERIMA LAPORAN PERUBATAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183748/kes-oku-dipukul-polis-sudah-terima-laporan-perubatan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1357398/polis-terengganu-lengkap-siasatan-kes-pukul-lelaki-oku	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/bfokus/news.php?id=2389139	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KES ZAYN RAYYAN: ADA KESAN KECEDEeraan PADA MAYAT KANAK-KANAK YANG DITEMUI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/kes-zayn-rayyan-ada-kesan-kecederaan-pada-mayat-kanak-kanak-yang-ditemui/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/bicara-kes-zayn-rayyan-mayat-kanak-kanak-ditemukan-dengan-kesan-cedera-ditelinga/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/04/zayn-rayyan-saksi-bongkar-penemuan-mayat-kanak-kanak-autistik/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PEMANDU VAN, KEKASIH DIDENDA RM17,000 DERA BUDAK 7 TAHUN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/04/pemandu-van-kekasih-didenda-rm17000-dera-budak-7-tahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1357424/bapa-teman-wanita-abai-kanak-kanak-didenda-rm17000-jalani-khidmat	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BUDAK 11 TAHUN DICABUL BOMOH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183726/budak-11-tahun-dicabul-bomoh	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/04/bomoh-didakwa-mencabul-budak-perempuan-disihir/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/kanak-kanak-11-tahun-dicabul-bomoh/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/bomoh-direman-cabul-kanak-kanak-perempuan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/710763/berita/semasa/polis-tahan-bomoh-muda-cabul-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-bomoh-muda-cabul-kanakkanak-507219	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2389123	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	GURU SEKOLAH AGAMA DITUDUH AMANG 2 PELAJAR LELAKI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/04/guru-dituduh-amang-seksual-2-pelajar/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/733484	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=5mtNIS6YXP8	YOUTUBE	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelajar-lelaki-507188	ASTROAWANI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183698/guru-bahasa-inggeris-nafi-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-dua	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/710769/berita/semasa/guru-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelajar-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1357265/guru-bahasa-inggeris-mengaku-tak-salah-5-pertuduhan-amang-seksual-pelajar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-mengaku-tidak-bersalah-lakukan-amang-seksual-kepada-2-pelajar/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/guru-bahasa-inggeris-didakwa-amang-seksual-dua-pelajar-lelaki/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/04/guru-didakwa-5-tuduhan-amang-seksual-pelajar/	FREEMALYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	BURUH MENGAKU TIDAK BERSALAH ROGOL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/buruh-mengaku-tidak-bersalah-rogol-anak-tiri-507162	ASTROAWANI.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/bapa-tiri-didakwa-rogol-remaja-14-tahun/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=aXloYvqauJl	YOUTUBE	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/04/buruh-tak-mengaku-salah-rogol-anak-tiri/	MALAYSIGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/710704/berita/semasa/buruh-tak-mengaku-rogol-anak-tiri	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	JAGA DITAHAN CABUL PESAKIT LELAKI DALAM TANDAS		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/04/pengawal-keselamatan-cabul-pesakit-lelaki-dalam-tandas-direman-empat-hari/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengawal-keselamatan-klinik-cabul-pesakit-lelaki-dalam-tandas-direman-507180	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/04/pak-guard-direman-kes-cabul-pesakit-lelaki-di-klinik/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/710718/berita/semasa/pengawal-keselamatan-klinik-cabul-pesakit-lelaki-dalam-tandas-direman	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/pengawal-keselamatan-disyaki-cabul-lelaki-dalam-tandas-direman-empat-hari/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penghantaran bantuan makanan di pedalaman Tatau menggunakan perkhidmatan helikopter Pasukan Gerakan Udara (PGU). Foto PDRM

Banjir: Misi udara hantar bantuan ke pedalaman Tatau

By Willy Jali #bm, Berita Sarawak February 4, 2025 12:59 PM

TATAU, 4 Feb: Pasukan Gerakan Udara (PGU) Pangkalan Sarawak dengan kerjasama Pejabat Daerah Tatau melaksanakan misi penghantaran bantuan bekalan makanan ke kawasan pedalaman Tatau menggunakan helikopter.

Menurut satu kenyataan, bantuan bekalan makanan telah dihantar menggunakan helikopter AW 139 milik PGU Pangkalan Sarawak ke kawasan yang terjejas akibat banjir.

"Misi ini telah berjaya diselesaikan dalam masa enam hari, bermula pada 30 Januari 2025 (Khamis) hingga hari ini, 4 Februari 2025 (Selasa). Sepanjang tempoh ini, lebih kurang 23 tan bekalan makanan berupa makanan kering serta pek beras yang telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Bantuan ini memberi manfaat lebih 1,700 orang penduduk yang melibatkan lebih kurang 35 buah rumah panjang, dua buah sekolah dan sebuah klinik kesihatan di kawasan pedalaman," menurut kenyataan itu.

Kawasan terjejas yang menerima bantuan tersebut termasuk Nanga Tau, Penyarai, Kakus, Long Beyak, Kem Gabong dan Ulu Anap.

Misi penghantaran bantuan ini turut melibatkan kerjasama erat antara pelbagai agensi termasuk Pejabat Daerah Tatau, Polis Diraja Malaysia (IPD) Tatau dan Bintulu serta anggota daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Tatau.

Selain bantuan di Daerah Tatau, pasukan ini juga telah menghantar hampir 1.8 tan bekalan makanan yang sama ke kawasan Gerong dan Sekabai di Daerah Sebauh, menjadikan jumlah keseluruhan bekalan yang dihantar hampir 25 tan.- TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



CIC pusat rakam keterangan saksi, mangsa kanak-kanak

04 Februari 2025 07:40am



Antara CIC yang berada di Iskandar Puteri, Johor. (Gambar kecil: Siti Kamsiah)

KUALA LUMPUR - Sebanyak 27 Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) ditempatkan di seluruh negara bagi menangani kes-kes jenayah melibatkan kanak-kanak.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, CIC berperanan untuk membuat rakaman video terhadap keterangan kanak-kanak di bawah 18 tahun.

Katanya, CIC dilengkapi dengan alat berteknologi tinggi untuk merakam keterangan bagi tujuan pendakwaan dan siasatan.

"Di sini kita ambil keterangan mereka secara menyeluruh bermakna bukan hanya keterangan lisan tetapi juga ekspresi muka, objek yang dilukis dan sebagainya.

"CIC ini untuk pihak polis mendapatkan keterangan saksi dan mangsa kanak-kanak tidak kira jenayah apa termasuklah narkotik, kes bunuh dan tidak tertumpu kes jenayah seksual sahaja," katanya kepada Sinar Harian. Tambahnya, setiap proses keterangan yang direkodkan di CIC juga mampu mengurangkan trauma kanak-kanak di mahkamah.

"Bila kita gunakan keterangan daripada rakaman CIC di mahkamah, kanak-kanak ini tidak perlu hadir ke mahkamah dalam keterangan utamanya di peringkat awal.

"Prosedur siasatan ialah susulan daripada laporan polis yang diterima. Kita akan klasifikasi berdasarkan kesalahan di bawah seksyen berkaitan.

"Jika ada kecederaan yang lebih utama, perlu dirawat dulu di hospital kerana pemeriksaan doktor sangat penting sebagai keterangan sokongan. Selain itu, siasatan juga merangkumi gambar di lokasi kejadian selain bukti-bukti forensik serta kimia," ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes jenayah seksual kanak-kanak Terengganu meningkat 11.59 peratus

Oleh MOHD AZLI ADLAN 4 Februari 2025, 4:26 pm



Mohd. Khairi (dua dari kanan) meninjau CIC Dungun yang mula beroperasi di Kuala Dungun hari ini.

DUNGUN – Kes jenayah seksual termasuk melibatkan kanak-kanak di Terengganu semakin membimbangkan dengan 634 kes telah direkodkan sepanjang tahun lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd. Khairi Khairuddin berkata, ia peningkatan 24.8 peratus berbanding 508 kes pada tahun 2023.

“Sebanyak 154 kes jenayah seksual yang dilaporkan pada tahun lalu melibatkan kanak-kanak iaitu penambahan 11.59 peratus berbanding tahun 2023.

“Sebanyak 617 kes jenayah seksual berkenaan yang dilaporkan pada tahun lalu berjaya diselesaikan,” katanya selepas merasmikan Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) Kontinjen Terengganu cawangan Dungun di sini hari ini.

CIC Dungun yang berfungsi sebagai premis aman dan selesa bagi merakam keterangan mangsa dan saksi kanak-kanak mengikut Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 itu merupakan kedua di Terengganu selepas Kuala Terengganu.

Mohd. Khairi berkata, sebanyak 78 kes jenayah seksual melibatkan kanak-kanak terbabit telah menggunakan perkhidmatan CIC untuk dirakam keterangan sepanjang tahun lalu.

Beliau berkata, sebanyak 74 kes tersebut berjaya dibawa ke peringkat pendakwaan di mahkamah.

“Pembukaan CIC Dungun amat penting bagi melancarkan proses merakam keterangan mangsa dan saksi kanak-kanak bagi kawasan Terengganu Selatan tanpa perlu ke cawangan Kuala Terengganu yang lebih jauh.

“Ia disebabkan statistik tahun lalu menunjukkan mangsa dan saksi kanak-kanak Kemaman merupakan antara teramai menggunakan CIC di negeri ini,” katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes OKU dipukul: Polis sudah terima laporan perubahan

Rosli Ilham
am@hmetro.com.my



Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Khairudin (dua kiri) berbincang dengan anggota selepas perasmian Pusat Temuduga Kanak-kanak CIC Kontinjen Terengganu di Dungun, hari ini. FOTO Rosli Ilham

Dungun: Kertas siasatan berhubung kes lelaki orang kurang upaya (OKU) dipukul di pasar pagi di Padang Astaka Chukai, dekat sini, baru-baru ini, akan dirujuk kepada pihak pendakwa raya untuk tindakan lanjut.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Khairudin berkata, ia susulan pihak polis sudah menerima laporan perubahan lengkap dari Hospital Kemaman.

"Kita sudah menerima laporan perubahan dan kertas siasatan akan dikembalikan kepada pihak pendakwa raya esok.

"Ia untuk dirujuk semula bagi mendapatkan arahan selanjutnya sama ada dituduh atau sebaliknya," katanya selepas merasmikan Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) Ke 2 Kontinjen Terengganu di Teluk Lipat, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman, SAC Siti Kamsiah Hassan.

Mohd Khairil berkata, pihak pendakwa raya akan melakukan kajian berdasarkan siasatan yang dilakukan pihak polis.

Sementara itu, Mohd Khairil berkata, pihak polis juga masih menunggu laporan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berhubung kes seorang pengengaruh yang ditahan, selepas disyaki mengeluarkan kenyataan berbau ugutan berkaitan kes pukul itu di media sosial.

"Kita sedang menunggu laporan itu daripada (SKMM) untuk melengkapkan kertas siasatan," katanya.

Pada 26 Januari lalu, pengengaruh berusia 36 tahun itu ditahan di sebuah hotel di Segamat, Johor bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu menakutkan secara jenayah dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Dalam kejadian 17 Januari lalu, mangsa, Ahmad Nor Al Faizan Jusoh, 47, dibelasah beberapa individu selepas motosikal yang ditunggangnya terlanggar salah sebuah gerai jualan kira-kira jam 9.30 pagi dan kejadian itu menyebabkan makanan yang dijual terjatuh dan tumpah.

Susulan kejadian itu, enam individu dipercayai terbabit dalam insiden itu ditahan dan kes disiasat mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana merusuh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes Zayn Rayyan: Ada kesan kecederaan pada mayat kanak-kanak yang ditemui

© 04 Februari 2025, 5:32pm



Oleh: Hamdi Fahmi Mohamad Zaki

PETALING JAYA: Terdapat kesan kecederaan di bahagian telinga kiri dan tangan kanan pada mayat Orang Hilang (OH) iaitu seorang kanak-kanak lelaki yang ditemui di tepi tebing laluan anak sungai berhampiran takungan air berdekatan Blok R, Apartment Idaman di Damansara Damai, Petaling Jaya, Selangor pada Disember 2023.

Perkara itu diberitahu Saksi pendakwa kedua, Koperal Sulaimen Razak, 42, yang juga jurugambar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya berkata berdasarkan gambar-gambar yang diambil pada Disember 2023.

Bagaimanapun semasa prosiding di Mahkamah Sesyen saksi itu tidak mengesahkan bahawa mayat tersebut adalah Allahyarham Zayn Rayyan Abdul Matin.

Semasa pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Kamarul Iman Ahmad Sopian, saksi itu turut berkata mayat mangsa berada di tepi tebing laluan sungai dengan takungan air di sebelah atas manakala mayat mangsa di sebelah bawah.

Pendakwa: Gambar 23 dan 24 gambar apa?

Saksi: Gambar mangsa dijumpai di tepi tebing dengan takungan air di sebelah atas dan mangsa di bahagian bawah.

Pendakwa: Gambar 30 gambar apa?

Saksi: Gambar lencana sekolah

Pendakwa: Terletak dimana (lencana sekolah).

Saksi: Bahagian atas sebelah kiri poket pakaian mangsa.

Dalam pada itu saksi ketiga, Koperal Nurul Khairina Mohammad Zuki, 35, yang merupakan anggota dari Balai Polis Sri Damansara berkata, beliau merupakan anggota polis yang menerima laporan mengenai seorang kanak-kanak autistik yang hilang pada 5 Disember 2023 pukul 5.45 petang daripada seorang wanita yang dikenali sebagai Ismanira.

"Dalam laporan itu pengadu mengatakan pada pukul 12 tengahari dia mahu menaiki tangga untuk balik ke blok R, pengadu sedari anak lelaki pengadu tiada di belakang pengadu.

"Pengadu ada menyatakan anaknya ada memberontak sebab tidak ikut kemahuan. Pengadu menjelaskan anak lelakinya orang kelainan upaya (OKU), autistik dan tidak boleh bertutur," kata saksi itu.

Semasa prosiding peguam Haresh Mahadevan mewakili Zaim Ikhwan Zahari dan Ismanira Abdul Manaf.

Perbicaraan di hadapan Hakim Dr. Syahliza Warnoh bersambung lagi esok.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pemandu van, kekasih didenda RM17,000 dera budak 7 tahun

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM 4 Februari 2025, 5:26 pm



THAYALAN dan teman wanitanya, Mageswari didenda RM17,000 atas dakwaan mendera kanak-kanak berusia tujuh tahun oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru hari ini. -Foto RAJA JAAFAR

JOHOR BAHRU – Pemandu van kilang dan teman wanitanya didenda RM17,000 selain diperintah menjalani khidmat masyarakat selama 440 jam oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Keputusan itu dibuat terhadap tertuduh, R. Thayalan, 39, dan K. Mageswari, 41, selepas mereka mengaku salah mengurung dan meninggalkan kanak-kanak berusia tujuh tahun dalam bilik air tanpa makanan dan minuman mencukupi sehingga kurus kering, dua tahun lalu.

Pasangan itu mengaku bersalah atas pertuduhan pindaan yang dibacakan di hadapan Hakim Thalha Bachok @ Embok Mok.

Mengikut pertuduhan pindaan, Thayalan yang juga bapa mangsa dan kekasihnya didakwa meninggalkan mangsa tanpa pengawasan di Taman Pulai Jaya pada Julai hingga 12 Oktober 2023.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 33(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

Hakim menjatuhkan hukuman denda RM8,000 kepada pemandu van kilang itu, manakala wanita tidak bekerja itu didenda RM9,000. Sekiranya gagal membayar denda, kedua-dua tertuduh diperintah menjalani hukuman penjara selama enam bulan.

Mereka juga diperintahkan melaksanakan kerja khidmat masyarakat masing-masing selama 200 jam dan 240 jam. Hukuman itu hendaklah dilaksanakan dalam masa enam bulan selepas perintah dikeluarkan.-KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Budak 11 tahun dicabul bomoh

Rosli Ilham
am@hmetro.com.my



GAMBAR HIASAN

Dungun: Polis menahan seorang bomoh selepas disyaki mencabul seorang kanak-kanak perempuan di Kemaman, 31 Januari lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairil Khairudin berkata, suspek berusia 20 tahun ditahan pada 10.20 malam, 1 Februari lalu.

Menurutnya, sebelum kejadian, ibu bapa mangsa masing-masing berusia 41 tahun percaya anaknya terkena sihir.

"Mereka kemudian membawa bomoh terbabit ke rumah mereka pada 1 pagi, 31 Januari lalu untuk berubat.

"Selepas acara perubatan itu, mangsa mengadu kepada ibu bapanya yang dia diperlakukan sedemikian oleh bomoh terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) Ke-2 Kontinjen Terengganu di Teluk Lipat, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner (SAC) Siti Kamsiah Hassan.

Mohd Khairil berkata, ibu bapa kemudian mangsa membuat laporan di Balai Polis Kemaman.

"Susulan itu, polis menahan suspek di rumahnya di Kerteh dan dibawa ke Mahkamah Majistret Kemaman untuk mendapat perintah reman selama tujuh hari berakhir pada 8 Februari ini.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan dan kes ini disiasat mengikut Seksyen 14(a) dan 14(d) Akta Kanak-kanak 2017 dan jika sabit dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan sebatan.

"Kes kanak-kanak ini adalah kes pertama yang akan menggunakan CIC di Dungun ini sebagai salah satu prosedur dalam melengkapkan kertas siasatan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru sekolah agama dituduh amang 2 pelajar lelaki

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR 4 Februari 2025, 1:32 pm



AHMAD Fairus (tengah) berjalan menuju ke kamar mahkamah bersama peguamnya di Kompleks Mahkamah Kangar, hari ini.

KANGAR – Seorang guru sebuah sekolah menengah agama mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas lima pertuduhan amang seksual terhadap dua pelajar lelaki, dua tahun lalu.

Tertuduh, Ahmad Fairus Abu Zaik, 44, mengaku tidak bersalah atas kesemua pertuduhan tersebut di hadapan Majistret, Nurshahida Abdul Rahim.

Mengikut kertas pertuduhan, dia yang berasal dari Ayer Itam, Pulau Pinang dituduh melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar lelaki berusia 13 tahun antara pukul 2.40 petang hingga 11 malam dari 21 Ogos hingga 27 November 2023 di bilik media sekolah tersebut.

Tertuduh turut didakwa melakukan perkara sama pada seorang pelajar lelaki lain, juga berusia 13 tahun di lokasi sama pada pukul 12.15 tengah hari, November 2023.

Dia didakwa melakukan kesemua kesalahan tersebut yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nabilah Ahmad Poad manakala tertuduh diwakili peguam, Mohamad Alif Farhan Mohamad Supian.

Sementara itu, Nabilah memohon mahkamah menetapkan jumlah ikat jamin sebanyak RM19,000 bagi kelima-lima pertuduhan tersebut, namun pembelaan memohon jumlah tersebut dikurangkan.

Mohamad Alif Farhan dalam hujahannya berkata, anak guamnya menyara seorang isteri dan anak angkat yang bersekolah selain memiliki beberapa masalah kesihatan kronik.

Katanya, anak guamnya menghidap penyakit buah pinggang tahap empat, menunggu masa untuk melakukan pintasan jantung serta baru keluar dari wad kerana serangan strok.

Mahkamah kemudian menetapkan ikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin dan kes ditetapkan untuk sebutan semula kes pada 5 Mac depan. Tertuduh membayar wang jaminan ditetapkan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buruh mengaku tidak bersalah rogol anak tiri

Dewi Nur Harasha Alias
04/02/2025 10:50 MYT



Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh (tengah) di bilik tidur di dalam rumah di Jalan Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, antara jam 10.30 hingga 11.30 malam pada Oktober 2024.

BUTTERWORTH: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth atas tuduhan merogol anak perempuan tirinya yang berusia 14 tahun, Oktober lalu.

Tertuduh yang berusia 53 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah hari ini.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang juga seorang buruh telah merogol anak perempuan tirinya yang ketika itu berusia 14 tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di bilik tidur di dalam rumah di Jalan Kampung Selamat, Tasek Gelugor antara jam 10.30 hingga 11.30 malam pada Oktober 2024.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun penjara dan sebat.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Rifaie Mohamed Riyaludin manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Ketika prosiding, Muhammad Rifaie tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh atas faktor hubungan tertuduh dengan mangsa selain mereka tinggal serumah.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 4 Mac depan sebagai tarikh sebutan kes bagi mendapatkan laporan perubatan serta forensik.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jaga ditahan cabul pesakit lelaki dalam tandas

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI | 4 Februari 2025, 10:58 am



SUSPEK (kiri) diiringi polis ketika hadir di Mahkamah Alor Gajah, Melaka bagi mendapatkan perintah reman. -Foto oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI / KOSMO!

ALOR GAJAH – Seorang pengawal keselamatan direman empat hari bermula hari ini selepas mencabul pesakit lelaki dalam tandas sebuah klinik minggu lalu.

Perintah reman sehingga 7 Februari ini dikeluarkan Majistret Dr. Teoh Shu Yee ke atas lelaki berusia 19 tahun.

Terdahulu, suspek yang memakai pakaian lokap berwarna ungu tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Alor Gajah kira-kira pukul 9.10 pagi.

Semalam, Kosmo! melaporkan seorang pengawal keselamatan ditahan selepas disyaki meraba pelajar kolej swasta.

Kejadian pada pukul 2.40 petang, 28 Januari lalu itu berlaku selepas mangsa selesai mendapatkan rawatan di klinik berkenaan.

Mangsa bertanyakan kepada suspek lokasi tandas awam sebelum menyuruh mangsa mengikutnya. Semasa di dalam tandas, mangsa ternampak suspek seperti mengintainya.

Suspek kemudian mengetuk pintu dan menyuruhnya membuka lampu. Mangsa membuka pintu dan ketika hendak menekan suis di luar, suspek secara tiba-tiba berada di hadapan pintu dan cuba masuk ke dalam tandas sebelum merabanya..-

KOSMO! ONLINE